

## **PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN BUMIPUTERA DAN PEMBASMIAK KEMISKINAN : KAJIAN DI NEGERI MELAKA**

Prof. Dr. Hj. Mohd Taib Hj. Dora  
Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Muhammad Diah  
Albert Feisal Ismail  
Othman Aman  
(KUTKM)

### **Abstrak**

*Program pembangunan usahawan yang dijalankan kerajaan diakui menggalakkan perkembangan usahawan Bumiputera dan juga adalah kaedah terbaik untuk mengurangkan kadar kemiskinan. Sehubungan itu, kertas kerja ini membincangkan kepentingan ciri-ciri keusahawanan bagi memastikan program pembangunan usahawan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan adalah tidak sia-sia. Kertas kerja ini juga melihat penekanan kerajaan terhadap keusahawanan sebagai mekanisma bagi membasmikan kemiskinan. Dirumuskan penekanan terhadap pembangunan diri perlu diberikan perhatian serius dalam program pembangunan usahawan Bumiputera kerana kemahanan keusahawananlah yang mendorong kepada kejayaan usahawan seterusnya mengurangkan tahap kemiskinan di kalangan masyarakat.*

### **Pengenalan**

Pembangunan sosioekonomi di sesebuah negara tidak mungkin boleh berlaku tanpa kehadiran usahawan dan kegiatan keusahawanan mereka (Zenkin, 1981). Di negara-negara OECD (Organization of Economic Cooperation and Development), aktiviti keusahawanan diberikan perhatian serius oleh kerajaan dan juga sektor perbankan kerana ianya menjana pertumbuhan Keluaran Negara Kasar (KNK) di samping menambahkan bilangan atau mewujudkan sumber pekerjaan baru (Storey, 1994). Di Amerika Syarikat misalnya, antara tahun 1965 hingga 1985 golongan usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) yang kebanyakannya adalah perusahaan baru yang berada dalam lingkungan 1-3 tahun adalah penyumbang majoriti kepada 35 juta jumlah bilangan pekerjaan yang wujud dalam tempoh tersebut (Drucker, 1985). Kajian tinjauan oleh Small Business Week (1998) pula menunjukkan golongan usahawan IKS di Amerika Syarikat telah mewujudkan sebanyak 850,000 perniagaan baru pada tahun 1996 dan pada tahun berikutnya pula sebanyak 884,000 perniagaan baru telah diwujudkan. Aktiviti keusahawanan juga adalah penyumbang majoriti kepada kewujudan pekerjaan baru dalam tempoh tersebut (Small Business Week, 1998). Di Jepun pula, menyedari sumbangan yang diberikan oleh usahawan IKS kepada perkembangan ekonomi negara menyebabkan kerajaan menggubal beberapa peraturan khusus bagi melindungi perkembangan dan kemajuan mereka. Di samping itu, mereka turut dibantu oleh beberapa agensi utama kerajaan seperti Agensi Kecil dan Sederhana (Moha Asri, 1991).

Faktor yang mendorong kepada penggubalan dan perlaksanaan program pembangunan keusahawanan ialah IKS berjaya boleh menjana idea dan inovasi yang hebat. Idea dan inovasi ini boleh berkembang dalam bentuk produk dan perkhidmatan yang inovatif di mana akhirnya mewujudkan industri baru yang tersendiri. Banyak IKS yang berjaya dan terkemuka wujud serta berkembang disebabkan oleh inovasi individu usahawan itu sendiri (Wiklund, 2001). Melalui pelaksanaan program dan bantuan pembangunan keusahawanan juga merupakan antara kaedah yang paling berkesan untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan menambahbaikkan pengagihan pendapatan di kalangan penduduk (Levitsky, 1996).

Menurut Hall dan Boon (2004), faktor pengenalan dan pelaksanaan program pembangunan keusahawanan di negara-negara maju dan sedang membangun boleh dikategorikan seperti berikut :

Objektif Makro	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mewujudkan pekerjaan</li><li>• Pembangunan ekonomi</li></ul>
Objektif Sosial	<ul style="list-style-type: none"><li>• Meningkatkan eksport</li><li>• Pengagihan pendapatan</li><li>• Pembasmian kemiskinan di negara-negara sedang membangun</li></ul>

Jadual 1: Kategori Program Pembangunan Usahawan

Sehubungan itu, kertas ini membincangkan ciri-ciri keusahawanan yang diperlukan oleh Usahawan IKS Bumiputera di samping pelaksanaan program pembangunan usahawan yang dijalankan. Kertas kerja ini juga melihat penekanan terhadap program keusahawanan dalam membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat Bumiputera dan melaporkan pencapaian dan program pembangunan usahawan Bumiputera yang telah dijalankan di negeri Melaka sempena Rancangan Melaka Maju 2010.

### Program pembangunan usahawan Bumiputera dan pembasmian kemiskinan di Malaysia

Malaysia merupakan antara negara di dunia yang mempunyai program pembangunan keusahawanan yang terancang dan tersusun khusus untuk masyarakat pribuminya yang lebih dikenali sebagai masyarakat Bumiputera. Terdapat beberapa kementerian dan agensi kerajaan, swasta serta badan bukan kerajaan yang telah ditubuhkan khusus untuk menyediakan pelbagai program pembangunan usahawan Bumiputera meliputi bantuan dana, khidmat nasihat, teknikal dan latihan (Moha Asri, 1991).

Menurut Means (1976), asas kepada pembentukan program pembangunan usahawan Bumiputera ini ialah kerana ekonomi negara sejak zaman sebelum merdeka telah didominasi oleh golongan imigran dari Eropah, India dan yang paling menonjol sekali dari keturunan Cina. Masyarakat Bumiputera pula tidak mendapat tempat dalam sektor ekonomi negara sebaliknya hanya terlibat dalam kegiatan ekonomi yang berdasarkan pertanian ataupun perkhidmatan kerajaan. Melalui program pembangunan usahawan Bumiputera diharapkan bilangan usahawan Bumiputera yang berjaya boleh diramaikan dan seterusnya taraf ekonomi masyarakat Bumiputera adalah seiring dengan masyarakat minoriti lain khususnya dari keturunan Cina. Pertambahan golongan usahawan Bumiputera yang ramai dan berjaya akan membawa kepada keadilan sosio ekonomi dan seterusnya perpaduan di kalangan kaum di Malaysia. Kegiatan keusahawanan juga adalah wadah yang paling tepat dan sesuai dengan kehendak semasa bagi membebaskan masyarakat Bumiputera daripada belenggu kemiskinan (Norfadzillah, 1994). Jadual 2 dan 3 menunjukkan senario dan taburan kemiskinan di Malaysia.

Penunjuk Kemiskinan	1970	1990	2003
Kadar Kemiskinan (%)	52.4	16.5	5.1
Jumlah Keluarga Miskin	-	574,500	267,900
Kemiskinan Bandar (%)	22.3	7.1	2.0
Kemiskinan Luar Bandar (%)	60.0	21.1	11.4
Kemiskinan Tegar (%)	-	3.9	0.5
Jumlah Keluarga Miskin Tegar (%)	-	137,100	52,900
Kemiskinan Tegar Bandar (%)	-	1.4	0.4 (12,600)
Kemiskinan Tegar Luar Bandar (%)	-	5.2	2.3 (40,300)

**Jadual 2: Kemiskinan Di Malaysia**

Sumber: Pelbagai Rancangan 5 Tahun Malaysia

Bangsa/Tahun	1970	1987	1997
Melayu Bumiputera	64.8	23.8	7.7
Bumiputera Lain	-	-	17.3
Cina	26.0	7.1	1.1
India	39.2	9.7	1.3
Lain	44.8	24.3	13.0
Jumlah	49.3	17.3	6.1

**Jadual 3 : Taburan Kemiskinan Mengikut Bangsa**

Sumber: Pelbagai Rancangan 5 Tahun Malaysia

Jadual 2 dan 3 menunjukkan majoriti golongan miskin adalah masyarakat Bumiputera. Faktor-faktor seperti kekurangan pendidikan, kemahiran dan sumber kewangan adalah halangan kepada masyarakat Bumiputera untuk memulakan perniagaan dan menyebabkan bilangan usahawan Bumiputera amat rendah berbanding dengan kaum-kaum minoriti lain di Malaysia. Oleh itu, di peringkat penggubalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971, kerajaan telah mengenal pasti dan merangka kaedah untuk menangani faktor ketidaaan sumber dana dan kemahiran serta pendedahan dan juga peluang untuk mengendalikan pengurusan perniagaan (Norfadzillah, 1994). Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia yang pertama dilaporkan berkata bahawa kaum Bumiputera tidak boleh mengendalikan perniagaan dan perdagangan kerana tidak dilatih dan diberi peluang yang secukupnya (*Business Times*, 28 June 1990).

Bagaimanapun, setelah berakhirnya DEB pada penghujung tahun 1990 kerajaan mengistiharkan bahawa sasaran 30 peratus pemilikan ekonomi negara oleh Bumiputera tidak tercapai walaupun pelbagai bentuk tindakan samada dari aspek penggubalan dan perlaksanaan dasar, program latihan dan bimbingan serta penyaluran bantuan dana telah dilakukan oleh pelbagai agensi kerajaan. Kesimpulan pengistiharan kerajaan ini terkandung dalam laporan bertajuk "Kajian Keberkesanan Program Pembangunan Usahawan Agensi-Amanah Untuk

Mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perusahaan Bumiputera DEB (Okttober 1989)". Perdana Menteri Malaysia Dr. Mahathir bin Mohamad dilaporkan menyatakan kekecewaan kerajaan kerana hampir 20 tahun perlaksanaan DEB, masyarakat Bumiputera hanya mencapai 19 peratus daripada 30 peratus sasaran pemilikan ekonomi negara oleh masyarakat Bumiputera (New Straits Times, 28 Disember 1989).

Humam Hj Muhammad (1995) mendapati pelaksanaan program keusahawanan samada dalam bantuan dana, khidmat nasihat dan teknikal serta latihan tidak mencukupi bagi menjamin kejayaan dan daya saing seseorang usahawan Bumiputera. Kejayaan suatu keusahawanan itu ialah terletak kepada 'orang yang betul' (Sato dan Chang, 1995). 'Orang yang betul' yang dimaksudkan ialah individu yang membangunkan dirinya dengan ciri-ciri seperti kehendak keusahawanan yang kuat, dinamik, kemahiran inovatif dan kemahuhan untuk bekerja yang bersungguh-sungguh (Stevenson, Roberts dan Grousbeck, 1985).

### Kajian literatur

Tiada sebarang definisi yang universal mengenai usahawan. Pengkaji keusahawanan telah memberikan pelbagai interpretasi mengenai usahawan mengikut disiplin seperti Kizner (1973) dari konteks ekonomi, Schumpeter (1934); McClelland (1958); dan Kunkel (1965) dari konteks psikologi; dan Weber (1904) dari konteks sosiologi. Menurut Lambing dan Kuehl (2000) antara definisi usahawan yang baik ialah seperti yang dirumuskan oleh Timmons (1994) :

*'Usahawan merupakan individu yang bertindak secara kreatif bagi membina suatu nilai dari suatu perkara yang asalnya tidak mempunyai sebarang nilai praktikal. Usahawan juga adalah individu yang berusaha untuk mendapat peluang tanpa mengira sumber atau kekurangan sumber. Di samping itu, usahawan adalah individu yang mempunyai kemahuhan dan kesungguhan serta komitmen untuk memimpin orang lain bagi mencapai kemahuannya dan mengambil risiko yang terancang'.*

Manakala Popenoe (1969) pula melihat usahawan dalam kontek masyarakat Malaysia sebagai individu iaitu :

*'Usahawan tidak merujuk kepada pesara yang berjawalan tinggi dalam perkhidmatan awam bekerja sebagai pengarah syarikat. Usahawan juga tidak merujuk kepada individu yang mengambil alih dan menguruskan perniagaan keluarga. Sebaliknya usahawan adalah individu yang mewujudkan suatu yang baru; atau menubuhkan satu perniagaan dan adalah seorang yang inisiatif, inovatif dan sanggup mengambil risiko yang tertentu semasa mengendalikan perniagaannya'.*

Dalam program pembangunan usahawan termasuk pemberian pinjaman secara langsung atau tidak dan samada disedari atau sebaliknya, apa yang dibangunkan sebenarnya ialah diri usahawan itu sendiri. Usahawanlah yang menentukan samada dirinya adalah usahawan atau sebaliknya kerana rumusan kejayaan atau kegagalan suatu keusahawanan itu adalah terletak kepada diri usahawan itu sendiri. (Burton, 1992). Ini menyebabkan kajian mengenai usahawan adalah persoalan utama dalam disiplin keusahawanan (Tibbits, 1979; Bird, 1989).

Kejayaan usahawan telah dilihat dari konteks diri usahawan itu sendiri. Pengkaji dari disiplin psikologi telah mencuba mengaitkan faktor kejayaan usahawan dengan ciri-ciri seperti personaliti, sikap, latar belakang, demografi dan pelakuan dalam perniagaan (Fraboni dan Saltstone, 1990). Pengkaji seperti Johnson (1990) dan McClelland (1961) yang melihat usahawan dari aspek psikologi dan kerangka kelakuan pula mendapati bahawa usahawan merupakan individu yang didorong sepenuhnya oleh sifat kehendak untuk berjaya. Kajian oleh Cromie, Callaghan dan Jansen (1992) dan Durand dan Shea (1974) pula menunjukkan usahawan adalah individu yang mempunyai ciri-ciri kawalan dalam diri yang tinggi.

Perhatian harus diberikan terhadap pembangunan diri usahawan kerana kajian semasa lebih melihat kepada persoalan-persoalan yang menerangkan siapa itu usahawan, pendedahan kepada bidang keusahawanan, ruang untuk mendapatkan sumber modal, keperluan dan sejauhmana keberkesanan latihan keusahawanan, umur,

bangsa, jantina dan pengalaman perniagaan. Kesemua persoalan tersebut merupakan contoh persoalan yang sering dikemukakan dalam banyak kajian mengenai usahawan (Chandler dan Hanks, 1994; dan Gartner dan Shaver, 1994).

Kilby (1971) menyamakan usaha bagi mengenalpasti ciri-ciri usahawan seperti watak *heffalump* dalam kisah kanak-kanak 'Winnie the Pooh'. *Heffalump* dalam kisah tersebut merupakan 'haiwan yang besar dan amat penting. Ia sering diburu oleh manusia dengan menggunakan pelbagai jenis peralatan perangkap yang inovatif tetapi tiada seorangpun yang berjaya menangkapnya. Semua mendakwa melihatnya tetapi tidak bersetuju dengan sifat dirinya'.

Kajian oleh Green (1996) menunjukkan bahawa terdapat pelbagai bentuk definisi, metodologi dan dalam kes kes tertentu, sampel yang lebih bersifat heterogeneous telah digunakan dalam kajian mengenai atribusi psikologi usahawan. Ini menjadikan kajian ciri-ciri usahawan menjadi sukar. Bagaimanapun, Green (1996) mendapatkan terdapat beberapa penemuan yang konsensus. Contohnya, usahawan berjaya didapati mempunyai skor atribusi psikologi yang tinggi bagi kehendak untuk berjaya, kawalan dalaman diri, kesabaran semasa menghadapi ketidak jelasan dan jenis personaliti A.

Usahawan adalah individu yang mempunyai motivasi dan kehendak pencapaian yang kuat, menyelesaikan masalah tanpa bantuan orang lain, menetapkan sasaran dan berusaha mencapai sasaran yang ditetapkannya melalui usaha sendiri. Usahawan yang mempunyai kehendak pencapaian dan motivasi yang kuat biasanya akan berjaya dalam pemergaan. McClelland (1961) merumuskan bahawa penawaran keusahawanan bergantung kepada keperluan individu untuk berjaya berbanding dengan kehendak mendapatkan ganjaran kewangan. Bagaimanapun ganjaran kewangan tetap menjadi ukuran pencapaian usahawan.

Pendekatan lokus kawalan oleh Rotter (1966) pula melihat bagaimana usahawan menginterpretasi persekitaran sosial dan maklumat yang diperolehnya dari bermacam bentuk kedaan. Menurut Rotter (1966) lokus kawalan terbahagi kepada dua bahagian iaitu dalaman atau luaran. Lokus kawalan dalaman merujuk kepada kawalan terhadap kehidupannya yang mana kejayaan atau kegagalan adalah bergantung kepada tindakan dan kelakuannya sendiri. Lokus kawalan luaran pula merujuk kepada individu melihat kejayaan atau kegagalannya adalah disebabkan saamda tindakan dari orang lain atau takdir, nasib dan peluang.

Goleman (1998) yang melihat kejayaan dan kegagalan individu dalam kehidupan pula mengemukakan pendekatan kesedaran diri yang merujuk kepada sejauhmana seseorang itu mengetahui emosi dalaman, keutamaan, sumber dan gerak hatinya. Hujahan Goleman (1998) ialah keupayaan seseorang mengetahui emosi dalaman, keutamaan, sumber dan gerak hati sendirinya yang menentukan pembuatan keputusan oleh individu itu. Malahan beliau turut menyatakan bahawa perbezaan antara individu yang berjaya atau tidak bukan sahaja berdasarkan kecerdasan minda semata-mata tetapi kemampuan memahami emosi dalaman, keutamaan, sumber dan gerak hati. Menurut Goleman (1998) kesedaran diri merupakan asas kemahiran utama kepada tiga kompeten emosi iaitu kesedaran emosi, pembuatan penilaian yang tepat dan keyakinan diri.

Humam Hj Muhammad (1995) melaporkan bahawa individu yang bermotivasi tinggi biasanya mempunyai ciri-ciri berdikari, bertanggungjawab dan selalu bertindak sebagai pemimpin serta mempunyai kemahuan yang tinggi. Ciri-ciri ini dirumuskan sebagai ciri-ciri dominan yang menentukan samada individu itu berjaya atau sebaliknya Humam Hj Muhammad (1995).

Kesimpulan dari pendekatan-pendekatan yang telah dibincangkan ini jelas menunjukkan bahawa kemahuan keusahawanan adalah asas yang menjana kegiatan keusahawanan. Keusahawanan datang daripada proses kognitif dan bukanlah suatu yang tidak disengajakan (Carlan dan Carlan, 1992). Menurut Carlan dan Carlan (1992), individu yang mempunyai tahap kemahuan keusahawanan yang tinggi biasanya ditemui dalam diri mereka yang sebenarnya sedang dan telah berjaya sebagai usahawan. Dapatan kajian juga menunjukkan usahawan mempunyai tahap motivasi dan kehendak pencapaian dan juga lokus kawalan dalaman yang tinggi, kesedaran diri dan kecenderungan untuk berjaya serta berinovasi. Ciri-ciri yang disebutkan ini tiada pada mereka

yang bukan usahawan (Carlan dan Carlan, 1992). Oleh itu, peranan individu usahawan tidak boleh dipandang kecil kerana mereka lah sebenarnya yang bertanggungjawab dalam menubuh dan mengembangkan perniagaan dan seterusnya kejayaan perniagaan itu. Di sebalik kejayaan mana-mana keusahawanan itu akhirnya adalah bergantung kepada usahawan itu sendiri. Program keusahawanan seperti bantuan dana, khidmat nasihat dan teknikal serta latihan lebih kepada membantu dalam menjayakan kejayaan keusahawanan itu (Carland, Carland Ensley dan Steward, 1994).

### Pencapaian usahawan Bumiputera di Melaka

Bahagian ini menunjukkan pencapaian usahawan Bumiputera berbanding dengan bukan Bumiputera di Negeri Melaka.

#### *Penglibatan Usahawan Bumiputera dan Bukan Bumiputera Mengikut Bidang IKS*

Jadual 4 menunjukkan bilangan usahawan di negeri Melaka adalah seramai 549 usahawan dengan 307 orang adalah usahawan Bumiputera dan bakinya iaitu 242 orang terdiri daripada bukan Bumiputera. Daripada jumlah 307 orang usahawan Bumiputera tersebut, 138 orang (75%) dalam sektor pembuatan dan 102 orang (40%) pula terlibat dalam sektor perkhidmatan. Bakinya pula iaitu 32 orang dalam sektor pertanian, empat dalam bidang pertanian, tiga orang dalam sektor pembinaan dan seorang dalam bidang perubatan.

Bil	Pemantauan Mengikut Sektor					
	Sektor	Bumiputera	%	Bukan Bumiputera	%	Jumlah
1.	Pembinaan	3	38	5	62	8
2.	Pembuatan	138	75	47	25	185
3.	Penyimpanan/Gudang	-	0	7	100	7
4.	Perdagangan/Peruncitan/ Jualan Borong	27	47	31	53	58
5.	Perkhidmatan	102	40	152	60	254
6.	Pertanian	32	100	-	0	32
7.	Perikanan	4	100	-	0	4
8.	Perubatan	1	100	-	0	1
Jumlah Besar		307	56	242	44	549

**Jadual 4:** Taburan pencapaian usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera di Melaka dalam bidang IKS (IKS- Maklumat yang dipantau sehingga 2004)

Sumber: Jabatan kerajaan Negeri Melaka

#### Prestasi usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera mengikut bidang IKS

Jadual 5 menunjukkan prestasi semasa 36,712 orang usahawan di Melaka. Secara keseluruhannya bilangan usahawan Bumiputera iaitu adalah rendah berbanding dengan usahawan bukan Bumiputera. Statistik tersebut menunjukkan 15,940 orang (43.4%) adalah usahawan Bumiputera manakala majoritinya pula iaitu 20,772 orang (56.6%) merupakan usahawan Bukan Bumiputera.

Bil	Sektor	B	%	BB	%	Jumlah
1.	Pertanian, Pertenakan & Perikanan	113	38.3	182	61.7	295
2.	Jual Runcit	7983	40.7	11610	59.3	19595
3.	Jual Borang	100	22.8	339	77.2	439
4.	Pembuatan	782	22.4	2710	77.6	3492
5.	Restoran	4621	52.4	4199	47.6	8820
6.	Hotel/Chelet	27	29	66	71	93

Bil	Sektor/Bidang	B	%	BB	%	Jumlah
7.	Perlombongan & Pengkuarian	19	22.6	65	77.4	84
8.	Pembekalan Bahan Binaan	46	19	195	81	241
9.	Kontraktor Awam	1361	19.8	121	8.2	1482
10.	Kontraktor Elektrik	73	72.3	28	27.7	101

Bil	Perkhidmatan Profesional	B	%	BB	%	Jumlah
11.	Peguam	152	40.1	227	59.9	379
12.	Akauntan	52	17.8	240	82.2	292
13.	Arkitek	8	38.1	13	61.9	21
14.	Jurutera	450	47.5	498	52.4	21948
15.	Juru Ukur	6	40	9	60	15
16.	Doktor Veterinar	0	0	7	100	7
17.	Doktor	145	35.5	263	64.5	408
	<b>Jumlah Besar</b>	<b>15940</b>	<b>43.4</b>	<b>20772</b>	<b>56.6</b>	<b>36712</b>

**Jadual 5: Prestasi semasa penglibatan Bumiputera dalam perniagaan mengikut sektor di Melaka sehingga 2004**

#### **Program pembangunan usahawan Bumiputera Melaka**

Bahagian ini menunjukkan Program Pembangunan Usahawan Bumiputera di negeri Melaka oleh agensi-agensi kerajaan termasuk kerajaan negeri.

#### **Program Pembangunan Usahawan Bumiputera Melaka oleh Agensi-Agenzi Kerajaan**

Jadual 6 menunjukkan jenis aktiviti dan jumlah perbelanjaan (dalam RM ) program pembangunan Usahawan Bumiputera yang telah dibelanjakan sehingga 2004. MARA (Majlis Amanah Rakyat) telah membelanjakan sebanyak RM1,194.873.59 untuk menjalankan aktiviti latihan, kursus dan seminar pembangunan usahawan termasuk usahawan dalam bidang teknikal. PKNM (Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka) pula telah membelanjakan sebanyak RM46,290.00 bagi menjalankan seminar, kursus dan klinik yang melibatkan semua peringkat dan bidang keusahawanan.

Agensi	Tahun	Jumlah Perbelanjaan (RM)
	Jenis Aktiviti	
MARA	a. Latihan Pembangunan Usahawan b. Latihan Pembangunan Usahawan Teknikal c. Kursus Keusahawanan d. Seminar Keusahawanan	RM 1,194,873.59
PKNM	a. Seminar Motivasi Penjaja b. Kem Keusahawanan Remaja c. Seminar Pengurusan Perniagaan d. Seminar Francais Makanan Segera e. Kursus Pemasaran Penjaja f. Seminar Francais Butik Pakaian g. Seminar Pengurusan Kewangan h. Kursus Penyediaan Rancangan Perniagaan i. Kursus Pembubaran Syarikat PUM j. Klinik Usahawan & Perkhidmatan Susulan k. Kursus IT Dalam Perniagaan	RM 46,290.00

Jadual 6: Maklumat aktiviti dan latihan bimbingan usahawan mengikut agensi di Melaka sehingga 2004

Sumber: Mara, PKNM

Jadual 7 di bawah menunjukkan kelulusan Skim Kredit Mikro Mengikut Agensi Bank di Melaka. Bank Simpanan Nasional (BSN) mencatatkan jumlah bilangan peminjam Bumiputera yang teramai iaitu 1,077 orang diikuti dengan Bank Pertanian Malaysia (BPM) iaitu 459 orang.

Agensi	Jumlah Kelulusan	Jumlah Kelulusan	Bil Peminjam Bumiputera	Jumlah Pinjaman
1. Bank Simpanan Nasional	1,497	14,403	1,077	10,59
2. Bank Pertanian Malaysia	583	5,885	459	4,633
Jumlah	2080	20,288	1,536	14,992

Jadual 7: Maklumat statistik kelulusan skim kredit mikro mengikut agensi bank di Melaka sehingga 2004

Sumber : BSN, BPM (2004)

Jadual 8 menunjukkan bilangan usahawan Bumiputera yang membuat pinjaman daripada agensi kerajaan. MARA menunjukkan bilangan teramai peminjam dari Usahawan Bumiputera iaitu 703 orang dengan diikuti oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia (BPM) iaitu 459 orang.

Agensi	Bil. Peminjam		Nilai Peminjam (RM juta)	
	B	BB	B	BB
1. MARA	703	-	26.76	-
2. Bank Pembangunan & Infrastruktur	49	12	46.89	17.62
Jumlah	752	12	73.65	17.62

Jadual 8: Maklumat statistik pembiayaan perniagaan oleh agensi negeri Melaka sehingga 2004

Sumber : MARA, BPIMB

Jadual 9 menunjukkan premis perniagaan yang telah disediakan oleh agensi kerajaan kepada usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera. MARA dan PKNM masing-masing telah menyediakan sebanyak 310 dan 920 buah premis perniagaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 268 premis perniagaan yang disediakan MARA telah diisi oleh usahawan Bumiputera manakala premis perniagaan oleh PKNM pula sebanyak 393 buah premis perniagaan.

Agensi	Jumlah Unit	Bilangan Diisi		Jumlah Unit Masih Kosong
		B	BB	
1. MARA	310	268	-	42
2. PKNM	920	393	340	187
Jumlah	1,230	661	340	228

**Jadual 9: Maklumat statistik premis perniagaan yang dilaksanakan oleh agensi di Melaka Sehingga 2004**

*Program pembangunan usahawan Bumiputera Melaka oleh Kerajaan Negeri Melaka*

Program Pembangunan Usahawan Bumiputera Melaka oleh kerajaan negeri terbahagi kepada tiga (3) iaitu (a) Program Satu Daerah Satu Perusahaan (SDSI); dan (b) Program Satu DUN Satu Produk (SDSP).

*Program Satu Daerah Satu Perusahaan (SDSI)*

Kerajaan negeri telah melaksanakan Program Satu Daerah Satu Perusahaan (SDSI) di setiap daerah bagi mewujudkan satu perusahaan berskala besar di Melaka. Bahagian Penyertaan Bumiputera, Jabatan Ketua Menteri Melaka telah dilantik sebagai urusetia bagi melaksanakan program tersebut (Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Melaka, 5 November 2002). Jenis-jenis industri yang telah ditetapkan adalah seperti di Jadual 10 :

Daerah	Perusahaan
Melaka Tengah	Pakaian (batik dan songket)
Alor Gajah	Cenderamata & kraftangan
Jasin	Makanan (termasuk gula Melaka)

**Jadual 10: Pengkelasan industri mengikut daerah**

Sumber : Pejabat Daerah Negeri Melaka

Taburan Pengusaha Satu Daerah Satu Perusahaan (SDSI) mengikut Daerah dan Bangsa ditunjukkan di Jadual 11 dan Jadual 12 seperti berikut :

Daerah/Perusahaan	Melaka	Alor Gajah	Jasin	Jumlah
Pakaian	45	7	4	56
Kraftangan	32	37	7	76
Makanan	25	35	65	125
Jumlah	102	79	76	257

**Jadual 11: Taburan Pengusaha Satu Daerah Satu Perusahaan (SDSI) Mengikut Daerah 2003/2004**

Daerah/Perusahaan	Melayu	%	Cina	%	India	%
1. Pakaian	29	34.9	10	58.9	-	-
2. Kraftangan	34	41	7	41.2	-	-
3. Makanan	20	24.1	-	-	-	-
Jumlah	83	100	17	100	-	-

Jadual 12: Taburan pengusaha satu daerah satu perusahaan (SDSI) mengikut bangsa 2003/2004

*Program Satu DUN Satu Produk (SDSP)*

Jadual 13 menunjukkan Program Satu DUN Satu Produk (SDSP) seperti berikut:-

Bil.	DUN	Jenis Produk
1	Paya Rumput	Mangga delight
2	Alai	Inang-Inang
3	Bukit Sedadan	Taufu
4	Kuala Linggi	Gula Melaka
5	Ayer Molek	Kerepek
6	Serkam	Makanan Laut
7	Ayer Keroh	Kraftangan (Asaba Craft)-Rotan
8	Rembia	Pasu
9	Ramuan Cina	Burung Puyuh
10	Rim	Jeruk Mangga/Jus Mangga
11	Bukit Asahan	Limau Barli
12	Duyung	Kuih Cakar Ayam
13	Sungai Rambai	Buah Duku/Anak Benih
14	Ayer Panas	Kelapa (Nata de Coco)
15	Masjid Tanah	Rempah ratus
16	Melekek	Kuih Bahulu
17	Sungai Udang	Cencaluk
18	Pulau Sebang	Kuih Bakar
19	Durian tunggal	Dodol
20	Tangga batu	Belacan
21	Merlimau	Sabun susu kambing/ susu lembu
22	Bachang	Otak-otak
23	Bandar hilir	Cendol
24	Tengkera	Kuih Belanda
25	Durian Daun	Kuih Tat Nanas

Jadual 13: Senarai produk mengikut DUN (sebelum persempadanan semula)

## **Perbincangan dan kesimpulan**

Maklumat yang diperolehi daripada agensi kerajaan termasuk kerajaan negeri menunjukkan Program Pembangunan Usahawan Bumiputera Negeri Melaka dan usaha mengurangkan kadar kemiskinan melalui peningkatan taraf pendapatan di kalangan masyarakat Bumiputera telah menunjukkan keputusan yang baik. Dalam tempoh perlaksanaan program tersebut, masyarakat Bumiputera telah mencebur pelbagai bentuk industri melalui program yang dipelopori oleh kerajaan negeri. Ini dapat dilihat dari sudut kelulusan bantuan dana yang disalurkan melalui pinjaman dan pengenalan industri mengikut daerah dan DUN.

Sehubungan itu, pemantauan berterusan terhadap Program Pembangunan Usahawan Bumiputera perlu dijalankan untuk melihat sejauhmana keberkesanan program yang dilaksanakan pada masa depan. Perhatian juga harus diberikan terhadap pembangunan diri usahawan kerana dapat beberapa kajian yang telah dibincangkan mendapati wujud hubungan yang signifikan antara kemahanan keusahawanan dengan kejayaan usahawan berbanding dengan pelaksanaan program pembangunan usahawan. Kami mencadangkan supaya agensi-agensi berkaitan dalam Program Pembangunan Usahawan Negeri Melaka juga menjalankan kajian melihat daya keusahawanan sebelum suatu program pembangunan usahawan dijalankan. Dapat menunjukkan bahawa asas kejayaan keusahawanan itu terletak kepada usahawan. Manakala faktor-faktor lain iaitu seperti bantuan dana, khidmat nasihat dan teknikal serta latihan adalah faktor sokongan yang amat diperlukan bagi kejayaan seseorang usahawan Bumiputera.

## Rujukan

- Bird, B (1989). "Entrepreneurial Behaviour", Scott, Foresman, Glenview, IL: London
- Burton (1992). Cited in Nor Aishah Buang "Asas Keusahawanan".
- Business Times, 28 June 1990, "Finding Ways for Bumis to Succeed in Business".
- Carland, J.A, Carland, J.W., Ensley , M.D. and Steward, W.H. (1994), "The Implication of Cognitive and Learning Styles for Management Education". *The Journal of Management Learning*, 25(3), September, 413-431.
- Carland, J.W., J.A. Carland, et. Al. (1992) "An Entrepreneurship Index: An Empirical Validation, paper presented. At Babson Entrepreneurship Conference, Fontainebleau, France.
- Chandler,G., dan Hanks, S. (1993) Measuring the Performance of Emerging Business: A Validation Study". *Journal of Business Venturing*, 8 (5) : 391-408.
- Cromie, S., Callaghan, I., dan Jansen, M. (1992) "The Entrepreneurial Tendencies of Managers". *British Journal of Managers* (3) :1-5
- Drucker, Peter (1985). "Innovation and Entrepreneurship". New York. Harper and Row Publishing.
- Durand, D., dan Shea, D. (1974)"Entrepreneurial Activity as a Function of Achievement Motivation and Reinforcement Control". *Journal of Psychology*, (88): 57-63
- Fraboni, M., dan Saltstone, R., (1990). "First and Second Generation Entrepreneur Typologies: Dimension of Personality". *Journal of Social Behavior and Personality* (5) : 105-13
- Gartner, W.B., Shaver, K., Gatewood, E., dan Katz, J. (1994). "Finding the Entrepreneurship in Entrepreneurship". *Entrepreneurship Theory and Practice*. Spring, 5-9
- Goleman, Daniel (1998). "Working with Emotional Intelligence". Bantam Book: New York.
- Green, R., David, J., Dent, M., dan Tyshkovsky, A (1996) "The Russian Entrepreneur: a Study of Psychological Characteristics". *International Journal of Entrepreneurial Behavior and Research*. 2 (1): 49-58
- Harvie, Charles and Boon-Chye Lee (2004) "SME Development Programs: A Critical Review" Centre for SME Research and Development, University of Wollongong, Australia.
- Humam, M.H (1998). Entrepreneurial Development in Malaysia with Specific to Training and Development Initiatives". Unpublished PhD Thesis